Permohonan yang diterima selepas Tarikh tersebut akan dibuat bayaran selepas Hari Raya Aidilfitri.

Email :
kepbumira@gmail.com
011 - 5887 5572

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
• RM 5,000.00

PROSES SEGERA
BORANG BOLEH HANTAR MELALUI EMAIL
BAYARAN BALIK SEHINGGA 24 BULAN
BAYARAN BULANAN SERENDAH RM 229.00
PEMBIAYAAN DIBUKA SEPANJANG TAHUN

PENDAPATAN	12 BULAN	24 BULAN
RM1000.00	RM87.00	RM46.00
RM2000.00	RM176.50	RM91.50
RM3000.00	RM262.50	RM137.50
RM4000.00	RM349.50	RM183.50
RM5000.00	RM438.00	RM229.00

011 - 5887 5572
kepbumira@gmail.com

Cabaran ini menjadi lebih getir apabila mereka juga mendapat keistimewaan fasiliti kutipan samada melalui potongan gaji terus atau melalui ‘auto debit’ dari akaun bank bayaran gaji anggota.

Dengan cara ini sahaja koperasi boleh mengekalkan segala kemudahan dan manfaat seperti yang dinikmati oleh semua anggota selama ini, khususnya dalam pemberian dividen yang tinggi setiap tahun. Jika tidak, dikhuatiri keistimewaan-keistimewaan ini dengan sendirinya akan terhakis.

10. PEMBAYARAN DIVIDEN

**KOPERASI BUMIRA (M)
BERHAD MENCATATKAN
KEUNTUNGAN SEBANYAK**

RM 1,680,374.00



DIVIDEN

5%

**DIVIDEN YANG DICADANGKAN
OLEH AHLI LEMBAGA KOPERASI**

**3%
MODEL YURAN**

**2 %
MODEL SYER**



Pembayaran Dividen ini juga telah dicadangkan oleh Juruaudit Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Mesyuarat adalah diminta supaya memberi kelulusan keatas pembayaran dividen seperti yang dicadangkan.

11. PEMBAYARAN ELAUN HONORARIUM

Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan pembayaran **Honorarium** kepada setiap seorang Anggota Lembaga Koperasi sebanyak **RM600.00** yang keseluruhannya berjumlah **RM5,400.00** selaras dengan peruntukkan **Bil. 33 (1) (f) Undang-Undang Kecil KBMB**. Pembayaran tersebut hanya akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Mesyuarat adalah diminta memberikan kelulusan ke atas pembayaran Honorarium sebanyak **RM5,400.00** seperti yang dicadangkan.

12. PENUTUP

Anggota Lembaga Koperasi BUMIRA (M) Berhad dengan ini membentangkan untuk makluman anggota Koperasi.

WAN AHMAD FAEZAL BIN WAN NAWI
SETIAUSAHA

Koperasi BUMIRA Malaysia Berhad
Tarikh : 17 DISEMBER 2023



**LAPORAN AUDIT DALAM
KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD**

Pengerusi
Koperasi Bumira (M) Berhad

Tarikh : 11 Disember 2023

LAPORAN AUDIT DALAMAN KOPERASI BAGI TEMPOH JUL 2022 - JUN 2023

Audit Dalaman Koperasi Bumira telah mengaudit dan membuat semakan berkala ke atas **Penyata Kewangan dan Rekod Pentadbiran** koperasi bagi tempoh **1 Julai 2022 hingga 30 Jun 2023**.

Semakan kami mendapati:

A. PENYATA KEWANGAN

1. Di sepanjang kerja-kerja pengauditan dijalankan, Pengurusan Koperasi BUMIRA (M) Berhad telah memberikan kerjasama sepenuhnya.
2. Terimaan wang telah dimasukkan ke dalam akaun bank dalam tempoh masa yang munasabah.
3. Penyata Kewangan telah dikemaskini, disimpan dengan baik serta teratur dan telah diberi penjelasan keterangan butiran dengan jelas.

B. REKOD PENTADBIRAN

1. Baucer bayaran, Buku Tunai, Resit Rasmi, Penyata Bank serta Invois bayaran telah dilengkapkan dan mematuhi Peraturan Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Bumira (M) Berhad.
2. Rekod Aset Bumira telah diuruskan dengan baik.
3. Rekod penerimaan kemudahan kebajikan anggota koperasi telah sentiasa diambil tindakan untuk dikemaskini.

Sekian dimaklumkan terima kasih.


RAJA IZAHAM BIN RAJA ISKANDAR (NO: ANGGOTA 1886)
KETUA JURUAUDIT DALAMAN BUMIRA



**PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2)
AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS
AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI
BERAKHIR PADA 30 JUN 2019,2020,2021 DAN 2022**



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



Tel : 03 - 20834000
Faks: 03-20834100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj.Kami : SKM.IP.(AUDIT):
N7/3024/5 Jld.2/(33)
Tarikh : 31/10/2023

Anggota Lembaga,
Anggota-anggota Koperasi,
Koperasi Bumira Malaysia Berhad
Lot 3.28 Dan 3.29, Tingkat 2, Medan Mara, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
WILAYAH PERSEKUTUAN

Tuan,

PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR PADA 30 JUN 2019, 2020, 2021 DAN 2022

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun dan kunci kira-kira koperasi yang diaudit oleh juruaudit Azhan Bin Abu Bakar dari firma Atarek Kamil Ibrahim & Co. dan Muhammad Sanusi Bin Ismail dari firma Bal & Partners Plt telah diterima oleh Suruhanjaya.

2. Pihak kami telah membuat semakan dan pemerhatian ke atas akaun-akaun dan kunci kira-kira serta nota-nota kepada akaun bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019, 2020, 2021 Dan 2022.
3. Berdasarkan semakan dan pemerhatian ke atas akaun dan kunci kira-kira yang dikemukakan, kami ingin menarik perhatian berkenaan perkara-perkara berikut:

(a) Penghantaran Borang Cukai Pendapatan Koperasi

Sila maklum terhadap tanggungjawab koperasi untuk membuka fail dan mengemukakan anggaran cukai secara e-filing (e-CP204) ke Pusat Pemprosesan Maklumat LHDNM (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia) walaupun koperasi dikecualikan cukai. Koperasi juga hendaklah menyimpan buku dan rekod perakaunan selama tujuh (7) tahun bagi tujuan semakan LHDNM. Tindakan ini hendaklah dipatuhi oleh semua koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

(b) Akaun Deposit Koperasi (ADK)

Sila maklum terhadap Arahan SKM Bilangan 2 Tahun 2019 bertarikh 12 Ogos 2019 yang menghendaki koperasi untuk mendeposit Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) bermula tahun kewangan berakhir Disember 2018 dan tahun-tahun kewangan berikutnya ke dalam ADK. Koperasi hendaklah mendepositkan KWRS ke dalam ADK dalam tempoh 6 bulan selepas tahun kewangan berakhir sepertimana kehendak di bawah subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014.

Pihak koperasi juga hendaklah membuat pendedahan bagi ADK dan KWRS dalam nota semasa penyediaan akaun tahun hadapan sebagaimana yang dinyatakan di para 59(k) dan (gg) GP23 : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 bertarikh 15 Disember 2020.

(c) Aktiviti Pembiayaan Islam

Semakan mendapati butiran di kunci kira-kira menunjukkan koperasi mempunyai penghutang pembiayaan anggota, pembiayaan tanah, pembiayaan kontrak dan korporat, pembiayaan perumahan anggota kerja dan pembiayaan khas. Selain dari itu koperasi mempunyai liabiliti semasa iaitu pemiutang pembiayaan daripada institusi kewangan lain berjumlah RM544,109 pada 30 Jun 2022; serta menerima pendapatan perkhidmatan dari beberapa bank seperti disenaraikan di nota 29. Sehubungan itu, koperasi adalah diingatkan agar merujuk dan mematuhi kehendak GP7: Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi. Koperasi hendaklah mematuhi perkara-perkara yang terkandung dalam GP7 terutama berkaitan larangan melaksanakan aktiviti pemberian pembiayaan Islam di bawah Model 3.

(d) Pelaburan Lain (nota 7)

	31 Disember 2022 (RM)	31 Disember 2021 (RM)	31 Disember 2020 (RM)
RHB Islamic Cash Management Fund	2,621,753.00	3,373,076.51	2,014,327.37
RHB Islamic Bond Fund	1,109,740.00	1,042,753.31	-
RHB Islamic Global Developed Fund	1,115,427.00	1,079,891.43	-

Didapati koperasi mempunyai pelaburan lain seperti dalam jadual di atas. Sehubungan itu, koperasi hendaklah memberi perhatian terhadap peruntukan di bawah seksyen 54 berkaitan pelaburan wang. Sila maklum, selain daripada pelaburan di bawah subseksyen 54(1) Akta Koperasi 1993, lain-lain pelaburan perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya mengikut subseksyen 54(2) Akta yang sama. Koperasi juga hendaklah memberi perhatian terhadap Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 dan GP 16: Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi di bawah seksyen 54 Akta Koperasi 1993.

(e) Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan.

Kenyataan di nota 3(c)(ii) kepada akaun 30 Jun 2022 memaklumkan berkaitan dasar perakaunan koperasi yang tidak membuat peruntukkan susut nilai ke atas tanah pajak jangka panjang. Sila maklum, tanah pajakan hendaklah dibuat kiraan susut nilai mengikut tempoh pajakan; kecuali tanah milik bebas. Oleh itu, sila semak semula status tanah tersebut. Sekiranya ia adalah tanah pajakan, koperasi hendaklah membuat pengiraan susut nilai dengan sewajarnya.

(f) Pembayaran Honorarium Lembaga

Semakan mendapati koperasi telah mencadangkan pembayaran honorarium seperti berikut:

Tahun Kewangan	Jumlah Honorarium (RM)
2018	5,400
2019	5,400
2020	5,400
2021	5,400
2022	5,400

Seperti yang koperasi telah sedia maklum, cadangan pembayaran honorarium Lembaga hanya boleh dibayar setelah koperasi mendapat kelulusan mesyuarat agung dan pihak Suruhanjaya mengikut perenggan 57(5)(c) Akta Koperasi 1993. Adalah menjadi kesalahan yang boleh dikenakan kompaun mengikut seksyen 91 Akta sekiranya koperasi membayar honorarium tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Suruhanjaya.

**(g) GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi
(Pindaan) 2020**

Koperasi hendaklah mematuhi penetapan yang dinyatakan dalam GP23 seperti perkara-perkara berikut:

- i) sila gunakan **terminologi** kunci kira-kira dan akaun untung rugi menggantikan terminologi yang digunakan koperasi sekarang iaitu penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif. Sila maklum, terminologi kunci kira-kira dan akaun untung rugi adalah terminologi yang diguna dalam Akta Koperasi 1993.
- ii) sebarang kenaikan dan penurunan dalam syer siar harga hendaklah dicajkan ke **Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer**. Sila rujuk perenggan 59(e) GP23.
- iii) tindakan koperasi menunjukkan **Tabung Kebajikan Am** sebagai liabiliti semasa di kunci kira-kira adalah tidak tepat. Tabung yang diwujudkan untuk manfaat anggota hendaklah ditunjukkan sebagai sebahagian daripada kumpulan wang anggota. Namun sekiranya tabung tersebut adalah untuk manfaat pekerja atau pihak lain, ianya hendaklah ditunjukkan selepas Kumpulan Wang Rizab Statutori di kunci kira-kira. Sila rujuk perenggan 59(ff) dan (hh) serta lampiran 1 GP23.

Koperasi Bumira Malaysia Berhad

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 30 Jun 2019, 2020, 2021 Dan 2022

4. Semua pandangan Suruhanjaya di atas yang mempunyai kesan kewangan terhadap akaun teraudit dan kunci kira-kira koperasi hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya oleh koperasi dan ditunjukkan dengan jelas dalam akaun teraudit koperasi tahun kewangan akan datang selaras dengan peruntukan subseksyen 59(2A) Akta Koperasi 1993 dan dilaporkan oleh anggota Lembaga koperasi dalam laporan berkanunnya sepertimana kehendak di bawah perenggan 59(3)(g) Akta yang sama.

5. Selain daripada perkara di atas, kami berpendapat akaun-akaun dan kunci kira-kira tersebut telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan Penyeliaan Koperasi.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MARCELLINUS ANDREAS)

b.p. Pengerusi Eksekutif,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Nota : Ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.

s.k. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Wilayah Persekutuan
Ketua Bahagian Audit Negeri Wilayah Persekutuan
Penolong Pengarah Wilayah/Daerah Wilayah Nasional C
Firma Atarek Kamil Ibrahim & Co.,
Firma Juruaudit Bal & Partners Plt



PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023
KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
No. Daftar Koperasi: 4757

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2023

No. Daftar Koperasi: 4757

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

Alamat Berdaftar	:	Lot 3.28 & 3.29 Tingkat 2, Medan MARA Jalan Raja Laut 50350 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Pengerusi	:	Haji Mohamad Nor Sazelim bin Mohamad
Naib Pengerusi	:	Jafre bin Mohd Ariffin
Setiausaha	:	Wan Ahmad Faezal bin Wan Nawi
Bendahari	:	Zairul Amri bin Adam
Anggota Lembaga	:	Halizah Amri bin Adam Anidah binti Hussin Juhaimi bin Mohd Yassin Mohd Nor bin Alias Meriyam binti Abdul Majid Dr.Adyzakrie bin Mohammad Zaki
Juruaudit	:	Bahagian Audit Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Bank Uatama	:	Bank Islam Malaysia Berhad Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT PERENGGAN 59(1)(c) AKTA KOPERASI 1993 BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga koperasi melaporkan bahawa:

- a) Perolehan koperasi pada sepanjang tahun kewangan tidak terjejas secara material oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian yang luar biasa.
- b) Di dalam tahun kewangan semasa, koperasi telah mencadangkan untuk mengagihkan keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun seperti berikut:

	<u>RM</u>
i) Dividen atas modal syer anggota 2%	16,764
ii) Dividen atas modal yuran anggota 3%	966,072
iii) Kumpulan Wang Penebusan Syer	50,0000
iv) Tabung kebajikan am	15,196
v) Honorarium Lembaga	5,400


- c) Pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti koperasi mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan koperasi untuk menepati segala kewajipannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak.
- e) Kami juga berpendapat bahawa amaun aset semasa yang ditunjukkan di kunci kira-kira adalah munasabah.
- f) Aset semasa boleh dihasilkan nilai seperti tercatat dalam rekod-rekod perakaunan koperasi secara urusan perniagaan biasa.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT PERENGKAN 59(1)(c) AKTA KOPERASI 1993
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023
(SAMBUNGAN)**

Kami sebagai Lembaga Koperasi mengakui bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada perkara-perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993.



MOHAMAD NOR SAZELIM BIN MOHAMAD

Pengerusi



WAN AHMAD FAEZAL BIN WAN NAWI

Setiausaha



ZAIRUL AMRI BIN ADAM

Bendahari

Tarikh: **30 NOV 2023**

Kuala Lumpur, Malaysia



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**

Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

No. Daftar Koperasi: 4757

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT

KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

Kepada:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota Koperasi Bumira Malaysia Berhad

Tuan,

Laporan atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Bumira Malaysia Berhad yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2023, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir Jun 2023 dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan seperti yang dibentangkan bersama.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama mengikut *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan. Kami melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi etika dan merancang serta menjalankan kerja-kerja audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang material.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT

KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

(SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (Sambungan)

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah-jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang material ke atas penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman koperasi yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan bagi merangka prosedur-prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan bertujuan untuk memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman koperasi. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh anggota lembaga koperasi dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh memberikan asas yang wajar bagi pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan dengan wajar mengikut *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* dan dan Akta Koperasi 1993 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada **30 Jun 2023** dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Peraturan

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- (a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- (c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas koperasi adalah munasabah.

No. Daftar Koperasi: 4757

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT

KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

(SAMBUNGAN)

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya, anggota-anggota koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut kehendak seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.



(MARCELLINUS ANDREAS)

Pengarah

Bahagian Audit Koperasi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 30 November 2023

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA**PADA 30 JUN 2023**

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Harta tanah, loji dan peralatan	5	1,457,577	1,462,811
Pelaburan hartanah	6	1,496,456	1,529,079
Pelaburan dalam syer siar harga	7	56,082	56,562
Pelaburan dalam syer tak siar harga	8	309,583	309,583
Pelaburan lain	9	3,992,257	4,485,863
Pelaburan perniagaan	10	50,818	205,334
Pembiayaan anggota dan bukan anggota	11	19,261,197	18,893,658
		<u>26,623,970</u>	<u>26,942,890</u>
ASET SEMASA			
Pembiayaan anggota dan bukan anggota	11	8,817,536	9,294,441
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	12	4,412,688	6,275,281
Deposit tetap	13	2,000,000	-
Wang di bank	14	2,468,692	2,043,817
Wang di tangan	14	662	52
Akaun Deposit Koperasi (ADK)	15	1,050,459	-
Pelbagai penghutang	16	3,345	11,129
		<u>18,753,382</u>	<u>17,624,720</u>
JUMLAH ASET		<u>45,377,352</u>	<u>44,567,610</u>
DIBIYAI OLEH:			
Modal syer anggota	17	838,200	872,600
Modal yuran anggota	18	33,636,552	33,704,044
Modal syer bonus	19	11,600	11,600
Akaun rizab modal	20	6,531	6,531
Akaun rizab am	21	44,406	44,406
Akaun rizab nilai saksama:	22	355,914	-
pelaburan syer	23	50,000	-
Kumpulan Wang Penebusan Syer	24	54,628	79,640
Tabung kebajikan am		5,243,932	5,112,111
Keuntungan terkumpul		<u>40,241,763</u>	<u>39,830,932</u>
KUMPULAN WANG ANGGOTA			
Kumpulan Wang Rizab Statutori	25	3,244,581	3,072,961

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada
penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi: 4757

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA

PADA 30 JUN 2023

(SAMBUNGAN)

	NOTA	2023 RM	2022 RM
LIABILITI SEMASA			
Fi audit Suruhanjaya	26	8,000	-
Pembiayaan daripada institusi kewangan lain	27	40,515	544,109
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	28	28,603	33,616
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	29	14,302	16,808
Peruntukan dividen	30	982,836	984,142
Peruntukan honorarium Lembaga	31	5,400	5,400
Peruntukan zakat	32	37,222	42,537
Akaun Deposit Koperasi (ADK) belum bayar	33	730,459	-
Pelbagai pemiutang	34	43,671	37,105
		<u>1,891,008</u>	<u>1,663,717</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>45,377,352</u>	<u>44,567,610</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

	NOTA	2023 RM	2022 RM
Keuntungan bersih dalam tahun		1,430,169	1,680,374
TOLAK: PEMBAHAGIAN BERKANUN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori 12% (2022: 12%)		171,620	201,699
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi 2% (2022: 2%)		28,603	33,616
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi 1% (2022: 1%)		14,302	16,808
		<u>214,525</u>	<u>252,123</u>
Keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun		1,215,644	1,428,251
TOLAK:			
Peruntukan zakat	32	30,391	35,706
TOLAK: PEMBAHAGIAN LAIN			
Dividen atas modal syer 2% (2022: 2%)	30	16,764	17,452
Dividen atas modal yuran 3% (2022: 3%)	30	966,072	966,690
Kumpulan Wang Penebusan Syer	23	50,000	-
Tabung kebajikan am	24	15,196	17,853
Honorarium Lembaga	31	5,400	5,400
		<u>1,053,432</u>	<u>1,007,395</u>
Baki keuntungan bersih yang belum dibahagikan		131,821	385,150
Keuntungan terkumpul pada awal tahun		5,112,111	4,726,961
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun		<u>5,243,932</u>	<u>5,112,111</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi: 4757

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
PENDAPATAN			
Kredit	35	2,059,042	2,030,796
Pelaburan	36	245,707	337,381
Lain-Lain	37	172,140	158,275
JUMLAH PENDAPATAN		<u>2,476,889</u>	<u>2,526,452</u>
TOLAK: PERBELANJAAN			
Fi audit Suruhanjaya		8,000	-
Perbelanjaan anggota Lembaga	3	27,960	25,950
Peruntukan hutang lapuk	8	333,675	111,184
Peruntukan hutang ragu		35,743	-
Rosotnilai pelaburan		-	199,621
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		5,234	11,532
Susutnilai pelaburan hartanah		32,623	31,784
Perbelanjaan mesyuarat agung		26,950	14,300
Gaji dan perbelanjaan kakitangan	39	400,198	365,689
Pelbagai perbelanjaan	40	176,337	86,018
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>1,046,720</u>	<u>846,078</u>
KEUNTUNGAN BERSIH DALAM TAHUN		<u>1,430,169</u>	<u>1,680,374</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
PADA 30 JUN 2023**

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KOPERASI			
Keuntungan bersih dalam tahun		1,430,169	1,680,374
Pelarasan:			
Rosotnilai pelaburan		-	199,621
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		5,234	11,532
Susutnilai pelaburan hartanah		32,623	31,784
Peruntukan hutang lapuk		333,675	-
Peruntukan hutang ragu		35,743	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		1,837,444	1,923,311
Inventori		-	10,080
Pelbagai penghutang		7,784	600
Pelbagai pemiutang dan akruan		14,566	2,342
Aliran tunai diperolehi untuk aktiviti operasi		1,859,794	1,936,333
Zakat dibayar		(35,706)	(50,614)
Aliran tunai bersih diperolehi dari aktiviti operasi		1,824,088	1,885,719
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN			
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		(33,616)	(33,303)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		(16,808)	(16,651)
Honorarium Lembaga		(5,400)	(5,400)
Aliran tunai bersih digunakan untuk bayaran berkanun dan agihan		(55,824)	(55,354)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI**PADA 30 JUN 2023****(SAMBUNGAN)**

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Penambahan akaun deposit koperasi		(320,000)	-
Penambahan pelaburan lain		850,000	(151,199)
Pelupusan pelaburan lain		-	800,000
Penambahan pelaburan perniagaan		154,516	(593)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		-	(6,436)
Pembelian pelaburan hartanah		-	(168,000)
Pembiayaan anggota		(1,027,210)	(789,697)
Pembiayaan khas		2,174	11,406
Pembiayaan kontrak dan korporat		744,013	(1,333,796)
Pembiayaan perumahan anggota kerja		11,077	85,960
Pembiayaan tanah		9,894	50,738
Aliran tunai bersih diperolehi/(digunakan) untuk bayaran berkanun dan agihan		<u>424,464</u>	<u>(1,501,617)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran dividen		(984,142)	(1,118,155)
Pembiayaan daripada institusi kewangan lain		(503,594)	454,948
Tabung kebajikan am		(40,208)	(4,244)
Modal yuran anggota		(67,492)	1,021,541
Modal syer anggota		(34,400)	(42,000)
Aliran tunai bersih diperolehi/(digunakan) untuk aktiviti pembiayaan		<u>(1,629,836)</u>	<u>312,090</u>
Tambahan tunai dan setara tunai		562,892	640,838
Tunai dan setara tunai pada awal tahun		8,319,150	7,678,312
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun		<u>8,882,042</u>	<u>8,319,150</u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:			
Wang di bank dan di tangan	14	2,469,354	2,043,869
Deposit tetap	13	2,000,000	-
Aset kumpulan wang rizab statutori	12	4,412,688	6,275,281
		<u>8,882,042</u>	<u>8,319,150</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

NOTA 1 - MAKLUMAT KORPORAT

Koperasi ini adalah sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan beroperasi di Malaysia. Alamat berdaftar dan alamat perniagaan koperasi adalah di Lot 3.28 & 3.29, Tingkat 2, Medan Mara, Jalan Raja Laut, 50350 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Kegiatan utama koperasi adalah memberikan pembiayaan patuh syariah kepada anggota-anggotanya. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti utama koperasi di dalam tahun kewangan semasa.

Penyata kewangan adalah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Penyata kewangan koperasi bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023 disahkan oleh Lembaga Koperasi bertarikh 30 November 2023.

NOTA 2 - PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN DAN AKTA KOPERASI 1993

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang telah disesuaikan dengan GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi untuk mematuhi Akta Koperasi 1993.

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 Harta Tanah, Loji dan Peralatan

Harta Tanah, Loji dan Peralatan bagi operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan dalam pengeluaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau disewakan (kecuali sewaan tanah dan bangunan) apabila koperasi mempunyai kawalan ke atas aset tersebut. Aset termasuk alat ganti utama, peralatan dan peralatan siap sedia diklasifikasikan kepada kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian susulan bagi satu komponen penting dalam aset yang sedia ada akan dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen lama tidak dimasukkan. Sebarang penambahbaikan akan dipermodalkan jika ia dapat meningkatkan manfaat ekonomi aset tersebut.

Semua harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk digunapakai pihak pengurusan.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023****NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.1 Harta Tanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)**

Selepas pengiktirafan awal, semua harta tanah, loji dan peralatan adalah pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Kaedah susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:

<u>Kaedah garis lurus</u>	<u>Kadar (%)</u>
Kenderaan	20
Komputer	20
Mesin fotostat	20
Perabot	20
Perkakas pejabat	20

3.2 Pelaburan Hartanah

Koperasi mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk lantai bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan, termasuk rumah yang masih dalam pembinaan, sebagai pelaburan hartanah jika ia dimiliki untuk peningkatan nilai modal, pendapatan sewa atau tujuan penggunaannya belum ditentukan. Pelaburan hartanah direkod pada kos pada pengiktirafan awal. Kos pelaburan hartanah terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa hartanah ke lokasi dan keadaan untuk digunapakai sebagai pelaburan hartanah. Kos pelaburan hartanah yang dibina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Bagi tujuan pengukuran susulan, barang-barang peralatan yang tidak dapat dipindahkan dan barang-barang yang bersambung secara fizikal pada bangunan seperti lif, sistem elektrik dan sistem penyaman udara, dianggap sebagai sebahagian daripada harta tersebut. Koperasi menggunakan model nilai saksama untuk menilai pelaburan hartanah selepas pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur secara pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran siar harga, sekiranya boleh diperhatikan. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah selaras dengan kehendak para 60.5, GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi. Semua pelaburan hartanah lain dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Ia diukur pada kos dan bukan nilai saksama kerana melibatkan kos dan usaha tidak wajar.

Kadar susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan

50 tahun

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Instrumen Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Koperasi mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) di dalam kunci kira-kira apabila, dan hanya apabila, ia menjadi satu pihak dalam peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urusniaga dibelanjakan dalam untung atau rugi apabila berlaku.

(b) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu luput, atau apabila koperasi memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan, termasuk keadaan apabila koperasi bertindak hanya sebagai ejen pemungutan penerima pindahan, dan mengekalkan risiko dan ganjaran yang tidak ketara bagi pemilikan aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan aset kewangan yang di pindahkan.

Liabiliti kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dibatalkan secara sah, sama ada apabila syarat yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Perubahan ketara pada terma bagi liabiliti kewangan sedia ada menyumbang kepada penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Bagi tujuan ini, koperasi mempertimbangkan perubahan yang ketara jika nilai semasa aliran tunai yang disemak bagi terma yang diubah suai serta didiskaun pada kadar faedah efektif asal dengan perbezaan sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti yang asal.

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Instrumen Kewangan (Sambungan)

(c) Pengukuran Susulan Aset Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dalam instrumen tersiar harga diukur pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif. Perubahan dalam nilai saksama syer dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer selaras dengan kehendak para 60.8 GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

Pelaburan dalam instrumen tidak siar harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, diukur pada kos.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, semua aset kewangan adalah tertakluk kepada semakan semula untuk rosotnilai seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.3 (f).

(d) Pengukuran Susulan Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos selaras para 60.6 GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

(e) Pengukuran Nilai Saksama Aset Kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan berdasarkan kepada harga pasaran siar harga dalam pasaran aktif, dan sekiranya tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, teknik penilaian adalah berdasarkan andaian munasabah dan disokong.

(f) Rosotnilai dan Ketidakbolehkutipan Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, koperasi mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Bukti-bukti yang mencetus kehilangan adalah termasuk: (i) kesukaran yang ketara kepada penerbit atau penanggung kontrak; (ii) pelanggaran kontrak, seperti lalai atau kegagalan pembayaran faedah atau bayaran pokok; (iii) memberikan konsesi yang luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan bahawa pelanggan akan muflis atau penyusunan semula kewangan yang lain; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) apa-apa data pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada kumpulan aset kewangan.

No. Daftar Koperasi: 4757

KOPERASI BUMIRA MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**POLISI-POLISI DAN NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Instrumen Kewangan (Sambungan)

**(f) Rosotnilai dan Ketidakbolehkutipan Aset Kewangan
(Sambungan)**

Pinjaman anggota adalah diklasifikasi sebagai tidak berbayar jika prinsipal atau faedah/bayaran perkhidmatan/keuntungan atau kedua-duanya perlu dibayar tetapi tidak dibayar selama enam (6) bulan atau lebih. Bagi pinjaman tidak berbayar, sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam akaun untung rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun peruntukan rugi. Mana-mana pembalikan susulan bagi kerugian rosotnilai aset kewangan akan dibalikkan dalam akaun untung rugi dengan pelarasan kepada akaun peruntukan rugi, tertakluk kepada had, yang pembalikan tidak boleh menyebabkan jumlah bawaan yang disemak semula bagi aset kewangan melebihi jumlah yang ditentukan sekiranya tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini.

